

DATE: 2/9/2010

Perdana Menteri ulas kebimbangan Dr. Mahathir mengenai isu bumiputera

UM-2/09/2010

# MBE tidak ketepikan DEB

Oleh HELMI MOHD. FOAD  
dan NAZMIL NASIRUDDIN  
pengarang@utusan.com

**PUTRAJAYA** 1 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan pelaksanaan Model Baru Ekonomi (MBE) tidak akan menyetepikan elemen-elemen Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mempunyai banyak langkah afirmatif bagi membantu bumiputera.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan MBE mengambil kira semua realiti berhubung kedudukan golongan tersebut pada masa ini.

“MBE tidak bermaksud menghapuskan keseluruhan DEB tetapi langkah liberalisasi yang progresif, jadi kita mempunyai langkah tentang apa yang kita lakukan.

“Pada akhirnya, kita perlu mempertimbangkan kepentingan seluruh rakyat Malaysia, jadi kepentingan bumiputera akan diambil kira,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan 18 pelajar Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara (SKBD) yang menghantar

kad Hari Kemerdekaan Ke-53 kepada Perdana Menteri di sini hari ini.

Najib mengulas kebimbangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad minggu lalu bahawa DEB masih diperlukan kerana tempoh masa selama 20 tahun belum cukup untuk membolehkan golongan bumiputera berada setara dari segi ekonomi dengan kaum lain.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menolak dakwaan pihak tertentu bahawa konsep 1Malaysia adalah merujuk pada soal kesamarataan kaum di negara ini.

“1Malaysia adalah konsep yang berasaskan pada Perlembagaan Persekutuan iaitu apa saja peruntukan yang wujud dalam Perlembagaan, Rukun Negara dan kontrak sosial.

“Namun perlu bagi kita untuk berlaku adil dan bertindak secara inklusif dengan sebaik mungkin,” katanya.

Baru-baru ini, Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali meminta pentadbiran Najib menjelaskan konsep 1Malaysia kerana ada sesetengah pihak merujuknya dengan soal kesamarataan antara kaum.

MBE tidak bermaksud menghapuskan keseluruhan DEB tetapi langkah liberalisasi yang progresif, jadi kita mempunyai langkah tentang apa yang kita lakukan

– NAJIB TUN RAZAK  
Perdana Menteri

Ibrahim juga mencabar Najib agar membentangkan resolusi Parlimen untuk menggugurkan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan jika konsep 1Malaysia benar-benar merujuk kepada soal kesamarataan.

Perkara 153 merujuk kepada kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dan membolehkan kerajaan mewujudkan kuota di institusi pengajian tinggi (IPT), peluang pekerjaan sektor awam dan permit.

